

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah denda pelanggaran SOP wabak COVID-19 yang dikutip oleh PDRM sejak Mac 2020 hingga 31 Ogos 2021. Nyatakan jumlah denda yang terhutang oleh penerima kompaun polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan salah satu agensi yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] termasuk untuk mengeluarkan kompaun. Walau bagaimanapun, semua pembayaran dan kutipan kompaun yang dikeluarkan oleh PDRM ke atas pesalah yang telah melanggar Akta 342 adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).